



KETUA SETIAUSAHA
Secretary General
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA
Ministry of Education Malaysia
ARAS 8, BLOK E8
KOMPLEKS E
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62604 PUTRAJAYA

Telefon : 03-8884 6069
Faks : 03-8888 5124
Laman Web: <http://www.moe.gov.my>

Rujukan kami: KP(BPPA)(S)700-3/0204/0304/15 Jld.10 (71)
Tarikh : 28 Disember 2012

Pengarah
Bahagian Teknologi Pendidikan
Kementerian Pelajaran Malaysia

Semua Pengarah Pelajaran Negeri
Kementerian Pelajaran Malaysia

YBhg. Dato'/Tuan/Puan,

**PELANJUTAN TEMPOH INTERIM UNTUK TALIAN INTERNET BAGI AGENSI-
AGENSI YANG MASIH BELUM MENERIMA PERKHIDMATAN 1BESTARINET
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA PADA TAHUN 2013**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sebagaimana pihak YBhg. Dato'/Tuan/Puan sedia maklum, perkhidmatan 1BestariNet akan dilaksanakan di Bahagian Teknologi Pendidikan (BTP), Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri (BTPN), Pusat Teknologi Pendidikan Bahagian (PTPB), Pusat Kegiatan Guru (PKG) dan sekolah-sekolah Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM). Walau bagaimanapun, sehingga kini masih terdapat agensi-agensi yang belum menerima perkhidmatan tersebut sehingga kini kerana pelaksanaan dibuat secara berperingkat.
3. Sehubungan itu, bagi memastikan proses pengurusan dan pentadbiran serta pengajaran dan pembelajaran tidak terganggu, pihak YBhg. Dato'/Tuan/Puan dibenarkan untuk meneruskan langganan talian internet dengan *Internet Service Provider* (ISP) sedia ada atau melanggan talian internet daripada ISP lain. Pihak YBhg. Dato'/Tuan/Puan dikehendaki mematuhi garis panduan yang dikeluarkan oleh pihak Kementerian sebelum ini.
4. Kebenaran untuk melanggan talian internet dengan ISP lain ini adalah untuk tempoh interim sahaja iaitu sehingga perkhidmatan 1BestariNet disediakan di agensi YBhg. Dato'/Tuan/Puan atau mendapat apa-apa arahan bertulis daripada pihak Kementerian dari masa ke semasa. Pihak YBhg. Dato'/Tuan/Puan hendaklah memastikan bahawa tiada pertindihan talian internet di agensi pihak YBhg. Dato'/Tuan/Puan. Notis penamatan hendaklah dikeluarkan kepada pihak ISP dalam tempoh satu (1) bulan daripada tarikh *User Acceptance Test (UAT)* perkhidmatan 1BestariNet.

5. Pihak YBhg. Dato'/Tuan/Puan hendaklah memastikan peruntukan yang disediakan mencukupi untuk menampung keperluan pembayaran kepada pihak ISP dan perolehan yang dibuat hendaklah mematuhi semua peraturan dan tatacara kewangan yang berkuatkuasa.

Sekian, terima kasih.



DATO' DR. ROSLI BIN MOHAMED
Ketua Setiausaha
Kementerian Pelajaran Malaysia

s.k.

Sekretariat
Programme Management Office (PMO) Inisiatif ICT
Kementerian Pelajaran Malaysia

Setiausaha Bahagian
Bahagian Kewangan
Kementerian Pelajaran Malaysia